



TIMBALAN KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
DEPUTY REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706401
Faks (Fax): 603-88706842
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>

Ruj. Kami: JPT/GS 1000-630 (4 I)
Tarikh: 9 Disember 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang sedia maklum, Surat Makluman Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris Kepada Pelajar Antarabangsa bertarikh 31 Julai 2019 telah menetapkan bahawa pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris, IPT boleh mempertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- i. pelajar antarabangsa dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di IPT berkenaan **tanpa had tempoh masa**, namun pelajar masih tertakluk kepada peraturan Jabatan Imigresen Malaysia yang sedang berkuat kuasa; **DAN**
- ii. pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diijarkan kepada *The Common European Framework of Reference* (CEFR) bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris.

3. Dimaklumkan bahawa penambahbaikan terhadap syarat pada Para 2 (i) telah ditambah baik. **Mesyuarat Bagi Membincangkan Tindakan Susulan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) Penambahbaikan Dasar Pengurusan Pelajar Antarabangsa Ke Institusi Pendidikan Tinggi Di Malaysia pada 18 November 2019** telah bersetuju bahawa bagi pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris, IPT boleh mempertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- i. pelajar antarabangsa dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman di IPT berkenaan **dengan had tempoh masa selama dua (2) tahun maksimum**; **DAN**

- ii. pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalam perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diajarkan kepada *The Common European Framework of Reference* (CEFR) bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris. **Jadual skor kesetaraan kompetensi Bahasa Inggeris** adalah seperti di **Lampiran 1**.


4. Pemakaian surat makluman ini **hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Makluman Syarat Kompetensi Bahasa Inggeris Kepada Pelajar Antarabangsa bertarikh 31 Julai 2019**. Surat ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Sehubungan dengan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' PROF. IR. DR. MOHD SALEH JAAFAR)

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Penyelidikan dan Antarabangsa)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
5. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
Education Malaysia Global Services (EMGS)
6. SUSK YB Menteri Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA

7. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Hal Ehwal Imigresen
Kementerian Dalam Negeri Malaysia
9. Ketua Pengarah Imigresen Malaysia
Jabatan Imigresen Malaysia
10. Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

SENARAI SKOR KOMPETENSI BAHASA INGGERIS BERDASARKAN CEFR

English Competency	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2
MUET	Band 2	High Band 2	Band 3	Band 3	Band 4	Band 4
IELTS	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5
TOEFL iBT	30-31	35	42	46	60	79
Pearson Test of English	36	43	47	51	59	63
Cambridge English Qualifications and Tests	140	147	154	160	169	176